

MPC.100-14/1/23

22 Mac 2021

YBrs. Dr. Mohhidin bin Othman
14, Jalan P 15 H, 2/3, Presint 15
Putrajaya 62050 Wilayah Persekutuan
62050 Putrajaya, Malaysia

**SURAT NIAT PELANTIKAN PERUNDING - PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN KES:
PENERAPAN BUDAYA MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN SECARA BERKALA SETIAP
BULAN TANPA TUNGGAKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI NEGERI
KEDAH DARUL AMAN**

Sukacita dimaklumkan, merujuk kepada keputusan Mesyuarat Lembaga Perolehan 2/2021 pada 1 Mac 2021, secara dasarnya meluluskan pelantikan YBrs. Dr. Mohhidin bin Othman sebagai perunding bagi perkhidmatan di atas dengan harga yang ditawarkan sebanyak RM40,000.00.

2. Sehubungan dengan itu, satu mesyuarat rundingan harga antara Pebadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan YBrs. Dr. Mohhidin bin Othman akan diadakan bagi memuktamadkan nilai yang dipersetujui sebelum Surat Setuju Terima dan kontrak antara kedua-dua pihak dimeterai secara rasmi.

3. Pihak YBrs. Dr. adalah diingatkan bahawa surat ini adalah surat niat sahaja dan tidak boleh ditafsirkan dalam apa jua cara atau keadaan sebagai mengikat Kerajaan ke atasnya.

4. Sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai perkara di atas, pihak YBrs. Dr. boleh hubungi Pn. Norliza Ahmad di talian 03- 79557266 atau Cik Nor Izzati binti Norhisam di talian 03-79512387.

Sekian, terima kasih

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MAHADI HASBULLAH
Pengurus Kanan
Unit Pengurusan Perolehan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)